



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN
BIN PENGARAH DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN ,
MENTERI HAL EHWAL UGAMA**

**DI MAJLIS HAFLUT TAKHARRUJ KALI KE-12
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH**

**PADA HARI KHAMIS
01 RABIULAWAL 1446H / 05 SEPTEMBER 2024M**

**BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN UTAMA,
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين،
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين،

السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Mengadap Kehadapan Majlis
Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah
Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Beribu ampun,

Alhamdulillah wasysyukru lillah atas segala rahmat dan ni'mat-Nya yang tidak terkira yang dengan izin-Nya jua Majlis Haflut Takharruj ke-12 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dapat dilangsungkan pada pagi ini dengan diserikan oleh keberangkatan Duli Tuanku untuk mengurniakan sabda dan menyempurnakan penganugerahan Sijil Diploma 'Aliyah Qiraat.

Maka hamba Duli Tuanku berserta Ahli-Ahli Lembaga Institut Tahfiz dan sekalian warga Institut Tahfiz dengan penuh hormat dan ta'zim menyembahkan sembah junjung kasih atas perkenan Duli Tuanku berangkat ke majlis yang berkeberkatan ini.

Abis hamba Duli Tuanku sekalian mendoakan semoga Allah swt sentiasa melimpahkan rahmat Nya kepada Duli Tuanku dan kerabat Diraja Duli Tuanku dengan sentiasa sihat 'afiat, bahagia dan selamat dalam kasih sayang serta perlindungan-Nya.

Hadhirin hadhirat yang dihormati,

Sesungguhnya kita juga dapat merasakan kemeriahan majlis ini, dengan suasana kegembiraan yang terpancar di wajah masing-masing 20 orang graduan penerima Sijil Diploma 'Aliyah Qiraat dan ibu bapa atau keluarga terdekat mereka yang hadir dalam acara yang bermakna kepada keluarga.

Oleh itu Majlis Haflut Takharrij ini adalah mera'ikan kejayaan mereka. Ya! Majlis ini mera'ikan tidak sahaja dengan ucapan selamat dan tahniah. Bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haflut Takharrij adalah disertai dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah swt bahawa negara dapat menambah lagi bilangan anak watannya yang hafal tiga puluh juzu' ayat-ayat al-Quran. Mereka mencapainya melalui pengajian ugama yang sistematik dan merupakan sebahagian daripada aliran pendidikan negara.

Maka sempena Majlis Haflut Takharrij ini kita memesan sambil mengharapakan kepada graduan-graduan supaya mereka memanfaatkan hasil pengajian mereka. Memanfaatkannya sebagai ilmu ugama dan amalan keugamaan.

Kepada sekalian graduan dalam Haflut Takharrij ke-12 ini dan sebelumnya, kita sukacita mengatakan bahawa sesungguhnya hafazan ayat-ayat al-Qur'an yang awda kuasai adalah menjadi sebahagian dari diri awda. Awda sentiasa bersamanya. Oleh itu apa pun kapasiti awda selepas ini dan seterusnya nanti, ingatlah ayat-ayat al-Quran di dada dan di kepala awda. Ia menemani awda dalam menjalani kehidupan awda dan rakan-rakan yang sama berkelulusan pengajian seumpama awda.

Maka dengan penuh tanggungjawab, peliharalah kemuliaan dan kehormatannya yang berkeberkatan kepada diri dan keluarga awda bahkan kepada masyarakat negara kita, Brunei Darussalam yang aman tenteram dan sejahtera.

Beribu ampun,

Disembahkan seterusnya bahawa 20 orang siswa siswi graduan yang akan menerima Sijil Diploma 'Aliyah Qiraat dalam majlis pagi ini adalah terdiri daripada 15 orang graduan lelaki dan 5 orang graduan wanita.

Daripada jumlah tersebut 11 orang graduan yang berjaya memperolehi pangkat *Mumtaz*, 6 orang memperolehi pangkat *Jayyid Jiddan*, dan seorang pangkat *Jayyiid*, sementara dua orang selebihnya mendapat pangkat *Maqbul*.

Apa pun pangkat atau taraf pencapaian masing-masing, yang pastinya kesemua dua puluh orang dalam Haflut Takharrij tahun ini adalah menjadi sebahagian daripada 242 orang yang telah lulus pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qiraat sejak ia dimulakan kira-kira empat belas tahun yang lalu.

Suatu yang perlu kita sebutkan dengan maksud akan jadi dorongan ke arah kemajuan seterusnya ialah Institut Tahfiz yang sulung dan tunggal negara kita ini telah diiktiraf sebagai *Ma'ahad Tahfiz al-Quran Mithali* dengan menerima *Anugerah Antarabangsa His Majesty King Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud* pada tahun 2014.

Pengiktirafan itu adalah ke atas sistem dan mutu pengajiannya yang dinilai tinggi serta sumbangannya kepada masyarakat Brunei Darussalam.

Sumbangannya kepada masyarakat negara ini ialah kerana penubuhan serta pengajiannya telah mendatangkan impak positif kepada masyarakat. Iaitu masyarakat dengan segera menyedari dan memperakui dengan mengambil langkah praktikal akan kepentingan ilmu hafazan al-Qur'an sebagai melaksanakan tuntutan ajaran agama.

Di samping itu ia telah melahirkan dan membekalkan negara dengan sebahagian rakyat generasi baharunya yang merupakan individu-individu yang hafal al-Qur'an.

Setentunya mereka adalah rakyat yang berpotensi tidak setakat dengan kerjaya dalam perkhidmatan agama bahkan dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti yang sudah didapati pada masa sekarang.

Sesungguhnya kewujudan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hanssanal Bolkiah sebagai sebahagian daripada pusat-pusat pendidikan dan pengajian negara adalah jelas dengan tujuannya.

Pertama tujuan yang jelas melalui titah penubuhannya yang seterusnya mula beroperasi pada 1hb Januari 1993 sebagai sumbangan peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan meletakkannya di bawah Kementerian Pendidikan *"sebagai satu komplementari bagi melahirkan tenaga pengajar yang hafaz al-Qur'an."*

Usaha seterusnya ke arah merealisasikan tujuan penubuhannya yang sudah jelas sedemikian itu semakin jelas lagi dan terfokus setelah tiga belas tahun kemudian. Pada tahun 2006 sewaktu Institut Tahfiz ini dititahkan untuk dikendali dan diuruskan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu dengan mencantumkan semua program dan pengajian al-Qur'an yang sedia ada di Pusat Pengajian dan Penyebaran al-Qur'an, Kementerian Hal Ehwal Ugama *"supaya ia akan berperanan lebih tepat dengan keperluan negara dari segi pengajian al-Qur'an di samping melahirkan rakyat yang hafaz al-Qur'an"*.

Alhamdulillah. Dalam merealisasikan kedua-dua tujuan murni itu pengajian hafazan al-Quran di Institut Tahfiz adalah diselaraskan juga dengan dasar pendidikan negara.

Dengan itu Institut Tahfiz sebagai 'pusat pengajian ugama' adalah juga – seperti pengajian ugama di sekolah-sekolah menengah ugama/arab – iaitu mengajarkan juga mata-mata pelajaran umum menurut sukatan sistem pendidikan kebangsaan.

Hal sedemikian itu telah membuka ruang dan peluang kepada murid-murid yang memasuki Institut Tahfiz – seperti juga yang belajar di sekolah-sekolah menengah ugama/arab – untuk melanjutkan pelajaran dan pengajian ke sekolah-sekolah menengah dan seterusnya mengikuti pengajian tinggi untuk mencapai kelulusan dalam bidang-bidang ilmu dan kemahiran lain selain bidang ilmu dan kemahiran ugama.

Dalam masa yang sama pengajian hafazan al-Quran di Institut Tahfiz telah dikembang dan ditingkatkan. Pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qiraat sekarang ini adalah hasil pengembangan dan peningkatan itu.

Maka untuk seterusnya meningkat dan menambah mutu pengajian di Institut Tahfiz itu seperti yang berjalan selama ini adalah sudah mula difikirkan.

Pemikiran untuk dikaji lebih lanjut ialah untuk mengemas dan meluaskan pelajaran hafazan itu sendiri antaranya ialah dengan menambah unsur pengajian *mentadabburkan* ayat-ayat al-Quran.

Di samping itu ialah dengan menimbangkan lebih lanjut latihan-latihan kemahiran.

Tentunya kemahiran yang tidak sahaja berfaedah kepada mereka dan keluarga bahkan impak positifnya kepada masyarakat besar negara.

Khasnya mengurangkan dan seterusnya mengatasi isu pengangguran di kalangan lepasan-lepasan sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi dari semua aliran pengajian. Ya! Isu pengangguran di kalangan lepasan-lepasan sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi dari semua aliran, tidak terhad kepada lepasan-lepasan pengajian aliran ugama sahaja.

Beribu Ampun,

Demikianlah. Mengakhiri ucapan ini hamba Duli Tuanku menjunjung ampun menyembahkan sekali lagi sembah junjung kasih atas keberangkatan Duli Tuanku.

Hamba Duli Tuanku seterusnya menjunjung perkenan menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Yang Teramat Mulia Adinda Tuanku Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Abdul Malik yang diketahui sangat memberikan perhatian kepada ehwal pendidikan dan kebajikan termasuklah terhadap perkembangan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan kelangsungan masa hadapannya dalam menyebar luaskan ilmu hafazan al-Quran.

Seterusnya sembah junjung kasih dan ucapan terima kasih kepada sekalian hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Duli Tuanku Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin Bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman
Menteri Hal Ehwal Ugama

01 Rabiulawal 1446H
05 September 2024M